



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## KERTAS KONSEP PERTANDINGAN YAKULT DANCE ROPE 2026

### 1. MATLAMAT

Penganjuran pertandingan ini merangkumi semua aspek seni persembahan serta pelbagai cabang dalam bidang tari. Penglibatan murid dalam pertandingan yang diselaraskan ini dapat memberi pendedahan dan memupuk penghargaan terhadap seni budaya daripada pelbagai bidang kesenian, khususnya kepada murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Usaha ini juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, mencungkil bakat, dan memupuk penghargaan terhadap nilai-nilai kesenian bangsa sebagai teras pembentukan masyarakat berbudaya.

### 2. RASIONAL

- 2.1 Mengembangkan bakat seni yang ada di dalam jiwa murid ke arah hobi yang berfaedah;
- 2.2 Mempunyai pilihan kerjaya pada masa akan datang;
- 2.3 Memberi pendedahan kepada masyarakat tentang aktiviti seni dalam memartabatkan kesenian yang dilaksanakan di pelbagai peringkat pendidikan;
- 2.4 Seajar dengan Pelan Pendidikan Seni Kebangsaan (PPSK) 2021-2030, seni adalah pelengkap kepada hidup berkualiti seperti yang dinyatakan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed (2018), "*Tidak ada negara yang boleh mengaku sudah menjadi negara bertamadun tanpa ada nilai seni tersendiri...*". Sehubungan dengan itu, PPSK dirancang untuk memperbanyakkan program wajib di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti berikut:

#### **TERAS 1: Seni Untuk Semua**

- 1.0 (d) Menjalankan 18 program kesenian wajib Majlis Anugerah Kesenian Sekolah (MAKES) di pelbagai peringkat;

- 2.5 PPSK juga menyarankan bahawa setiap sekolah perlu mempunyai satu kebitaraan seni bagi menyemarakkan seni di sekolah dan mencungkil bakat dan potensi murid dalam bidang kesenian seperti berikut;

**TERAS 1: Seni Untuk Semua**

- 1.3.1(b) Setiap sekolah mempunyai satu (1) kebitaraan seni dengan;
- 1.3.1(c) Pihak pentadbir sekolah boleh memilih kebitaraan sekolah berpandukan modul kesenian dan kekuatan serta minat murid dalam program kesenian;
- 1.3.1(d) Mewajibkan penubuhan Kelab/Persatuan/Badan Beruniform yang berasaskan seni persembahan; dan
- 1.3.1(e) Mewajibkan satu (1) aktiviti kesenian dalam program khas seperti pertandingan kesenian.

2.6 Menyokong 'Karamah Insaniah' yang diperkenalkan oleh KPM yang mempunyai 7 Teras Utama. Program ini mengutamakan Teras 2: Karamah Insaniah iaitu pembentukan adab, akhlak dan integriti murid. Program ini diharapkan menjadi pemangkin pembentukan karakter murid dan Generasi MADANI dengan merujuk kepada kemahiran berkaitan pembangunan diri dan kemahiran interpersonal murid dan guru.

2.7 Seajar dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) diperkenalkan bagi memacu industri seni dan budaya negara. Dasar ini telah dirangka dengan mengambil kira hasrat serta intipati yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971. Berdasarkan 7 Teras Utama DAKEN 2021 iaitu untuk membentuk masyarakat berbudaya nilai tinggi melalui pelaksanaan kebudayaan kebangsaan, budaya sukuan, warisan khazanah dan kecemerlangan budaya disamping mengukuhkan perpaduan dan keperibadian serta jati diri rakyat serta pengukuhan identiti nasional. Program ini dirancang berdasarkan Teras 1: Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN), iaitu Budaya Nilai Tinggi yang memberikan penekanan kepada tiga elemen utama, iaitu tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan terpuji. Program ini juga merupakan satu program pengukuhan jati diri ke arah penghayatan Rukun Negara yang kedua, iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Elemen ini juga dinyatakan dalam DAKEN Teras 1, iaitu Strategi 3: Pengukuhan Jati Diri Masyarakat Melalui Penghayatan Budaya Nilai Tinggi Dalam Konteks Rukun Negara.

### 3. OBJEKTIF

- 3.1 Menyediakan platform pameran bakat yang lebih besar di peringkat kebangsaan kepada murid-murid sekolah di setiap sekolah yang terpilih untuk mengasah dan serlahkan bakat dalam pelbagai cabang seni persembahan;
- 3.2 Menggalakkan murid berkarya bagi menyemarakkan aktiviti kokurikulum seni persembahan dalam kalangan murid Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- 3.3 Meningkatkan kemahiran dan kreativiti dalam penggunaan teknologi bagi menyediakan seni persembahan.
- 3.4 Menyahut saranan Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap elemen *Love, Respect, Happiness and Humanity (LR2H)* dalam pendidikan dan meningkatkan pembinaan jati diri dan kemenjadian murid.

## PERTANDINGAN YAKULT DANCE ROPE 2026

### 1. MOD PROGRAM

- 1.1 Pertandingan adalah secara berkumpulan di peringkat Negeri & kebangsaan.
- 1.2 Penilaian peringkat negeri di laksanakan oleh Pegawai Kesenian Jabatan Pendidikan Negeri masing – masing berdasarkan video laporan yang di hantar pada atau sebelum (30 Jun 2026).
- 1.3 5 sekolah rendah & menengah yang terbaik akan di nilai secara bersemuka di pusingan akhir (Oktober 2026).
- 1.4 Setiap sekolah yang terlibat akan menghantar satu kumpulan sahaja.

### 2. FORMAT PERSEMBAHAN

#### 2.1 KATEGORI SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

#### TARIAN KREATIF: *YAKULT DANCE ROPE*

- 2.1.1 Konsep Yakult Dance Rope adalah penggabungan tarian dan lompatan yang dicipta dengan menggunakan tali sebagai *props* dalam persembahan. Penciptaan dan pengolahan ragam tari

- mestilah bersesuaian dengan lompatan yang dilakukan. Ragam dan gerak tari adalah bebas mengikut kesesuaian lagu yang digunakan.
- 2.3.2 Jumlah peserta bagi setiap kumpulan adalah **antara 8 hingga 10** orang sahaja;
  - 2.3.3 Kumpulan peserta boleh terdiri daripada lelaki dan perempuan atau sekumpulan murid perempuan sahaja atau sekumpulan murid lelaki sahaja;
  - 2.3.4 Penggunaan **TEKNIK** tari moden boleh diaplikasikan selagi mana ianya tidak menjejaskan konsep asal **tarian kreatif**;
  - 2.3.5 **TIDAK DIBENARKAN** membawa gerakan tari yang berunsur berbahaya, spiritual, lucah dan yang menggugat sensitiviti kaum serta agama.

### 3. KUMPULAN SASARAN PENYERTAAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua murid sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan semua murid sekolah menengah dan Sekolah Seni Malaysia .
- 3.2 Senarai nama peserta hendaklah mendapat pengesahan daripada pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

### 4. PERINGKAT NEGERI

#### 4.1 FORMAT RAKAMAN VIDEO

- 4.1.1 Setiap sekolah perlu menghantar satu (1) rakaman video berdurasi 3 hingga 4 minit sahaja.
- 4.1.2 Rakaman hendaklah dilakukan dalam format MP4 dengan minimum 720(p) dan maksimum 1080(p) dan view landscape.
- 4.1.3 Untuk suntingan video, boleh menggunakan apa sahaja aplikasi bergantung kepada kepakaran masing-masing..
- 4.1.4 Penghantaran video adalah melalui link youtube video / link google drive yang boleh diakses oleh pihak penganjur.& juri .
- 4.1.5 Di awal video hendaklah dipaparkan nama sekolah .
- 4.1.6 Rakaman video hendaklah jelas dan tidak kabur bagi memastikan keseluruhan persembahan tarian dapat dilihat dengan baik.

- 4.1.7 Sudut rakaman (*shooting angle*), pergerakan kamera serta penggunaan lokasi atau tempat rakaman yang berbeza adalah dibenarkan mengikut kreativiti peserta, selagi tidak mengganggu, mengelirukan atau menghilangkan gambaran asal persembahan tarian.
- 4.1.8 Proses suntingan video adalah dibenarkan bagi tujuan memperkemaskan kualiti rakaman. Walau bagaimanapun, suntingan yang mengubah konsep, pergerakan asal tarian atau menjejaskan keaslian persembahan adalah tidak dibenarkan.

## 4.2 PENGHANTARAN VIDEO

- 4.2.1 Semua sekolah yang menghantar video penyertaan telah layak menerima **Penyertaan** Peringkat Negeri, Hanya **(1)** penyertaan yang terbaik sekolah rendah dan **(1)** penyertaan sekolah menengah akan ke sesi pemilihan akhir oleh jawatankuasa pemilihan peringkat kebangsaan.
- 4.2.2 Setiap video mestilah merupakan kerja asal/asli.;
- 4.2.3 Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak sepenuhnya;
- 4.2.4 Sebarang klip video selain daripada hasil rakaman sendiri adalah tidak dibenarkan sama sekali
- 4.2.5 Setiap hasil karya mestilah tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan sebelum ini.
- 4.2.6 Semua penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal sebelum mendapat kebenaran penganjur, sekiranya didapati berlaku, penyertaan akan dibatalkan.
- 4.2.7 Pastikan semua muzik yang digunakan berstatus bebas HAK CIPTA. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
- 4.2.8 Pihak penganjur berhak menggunakan hasil karya yang dihantar untuk tujuan promosi.
- 4.2.9 Pastikan semua gambar individu/imej yang akan digunakan perlu mendapat persetujuan bertulis dengan melengkapkan Borang Kebenaran Ibu-Bapa.
- 4.2.10 Tarikh hantar laporan Video Tari Tali **30 Jun 2026** kepada pegawai Kesenian Jabatan Pendidikan Negeri masing – masing.

## 5. PERINGKAT KEBANGSAAN

Semua sekolah yang terpilih peringkat negeri telah layak menerima **Penyertaan** Peringkat Kebangsaan, Hanya **(5)** penyertaan yang terbaik sekolah rendah dan sekolah menengah akan ke peringkat akhir yang akan menerima **Pencapaian** Peringkat Kebangsaan bagi setiap kategori.

## 6. LAGU/MUZIK IRINGAN

- 6.1 Lagu atau muzik iringan boleh dicipta baharu atau menggunakan lagu tarian tradisi sedia ada dan lagu komersial irama Malaysia .
- 6.2 Lagu atau muzik iringan boleh berbentuk instrumental atau muzik yang mengandungi suara.
- 6.3 Penggunaan lagu yang telah diwartakan mestilah mendapat kebenaran.

## 7. MASA PERSEMBAHAN

- 7.1 Masa persembahan bagi pertandingan adalah **3 hingga 4 minit sahaja**.
- 7.2 Masa persembahan dikira pada permulaan lagu sehingga tamat lagu.

## 8. PAKAIAN/AKSESORI/PROPS

- 8.1 Pakaian dan aksesori penari hendaklah bersesuaian dan sopan.
- 8.2 *Props* tali **WAJIB** digunakan dan hendaklah bersesuaian serta tidak berbahaya.

## 9. PEMARKAHAN

### 9.1 KATEGORI SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

#### Penilaian

Kreativiti tari	- 35	markah
Koreografi dan pola lantai	- 25	Markah
Koordinasi muzik dan gerakan	- 15	Markah
Keseragaman dan keselarian	- 15	Markah
Busana dan tatarias	- 10	Markah
<b>MARKAH PENUH</b>	- 100	Markah

## 10. KAEDAH PENJURIAN

- 10.1 Penjurian peringkat negeri akan di laksanakan oleh pegawai Kesenian Negeri masing -masing .
- 10.2 Penjurian peringkat kebangsaan akan dilaksanakan secara **BERSEMUKA**.

## 11. PENGHAKIMAN

- 11.1 **Lantikan panel hakim di peringkat kebangsaan adalah di bawah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian.**
- 11.2 Keputusan hakim adalah **UKTAMAD** dan sebarang bantahan tidak akan dilayan
- 11.3 Teknikal pertandingan berhak untuk membatalkan penyertaan bagi mana-mana peserta dan kumpulan yang melanggar peraturan pertandingan yang telah ditetapkan.

## 12. TARIKH PELAKSANAAN

TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
15 Mac 2026	Hebahan kertas konsep kepada JPN & Sekolah yang terlibat.	Penganjur/BSKK
30 Jun 2026	Penghantaran video tari tali peringkat negeri	Sekolah/JPN/ Penganjur

10 Julai 2026	Video wakil Negeri di hantar ke Jawatankuasa untuk penilaian.	JPN
Akan dimaklumkan kelak	Pertandingan Peringkat Kebangsaan	Penganjur/BSKK
Akan dimaklumkan kelak	Pengumuman Keputusan Tarian Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan (Majlis Penutup)	Penganjur

*\*Tertakluk kepada perubahan*

### 13. TARIKH DAN TEMPAT

Tarikh : Oktober 2026 Akan dimaklumkan kelak  
 Tempat : Akan dimaklumkan kelak  
 Tetamu Kehormat : Akan dimaklumkan kelak

### 14. HADIAH DAN SIJIL

#### 14.1 Hadiah Kategori Pertandingan Tari Tali Peringkat Kebangsaan

BIL	PERKARA	CATATAN
1	Johan	RM 2,000.00 Trofi dan sijil
2	Naib Johan	RM 1,500.00 Trofi dan sijil
3	Tempat ke-3	RM 1,000.00 Trofi dan sijil

4	Tempat ke-4	RM 500.00 Trophy and certificate
5	Tempat ke-5	RM 500.00 Trophy and certificate

### **Anugerah Teknikal (Kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah)**

Anugerah Penari Lelaki & Perempuan Terbaik Menengah

Anugerah Penari Lelaki & Perempuan Terbaik Rendah

RM 300.00 Trophy and certificate

#### **15. LAIN-LAIN**

Untuk sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan:

**PUAN SANOYAH BINTI YUSOF**

PENOLONG PENGARAH

UNIT PEMBANGUNAN DAN KECAMERLANGAN SENI

BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM & KESENIAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

012-3311537

**EN. ONN ISMAIL BIN ABD RANI**

PEGAWAI TEKNIKAL TARI KEBANGSAAN

012-3518664

**BORANG SEMAKAN**

**PERTANDINGAN YAKULT DANCE ROPE**

**RENDAH DAN MENENGAH TAHUN 2026**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TANDAKAN (/)</b>
<b>BORANG PENYERTAAN</b>		
1	Borang Penyertaan	
2	Borang Kebenaran Ibu Bapa	
3	Borang Sinopsis Tarian	
<b>PENGHANTARAN</b>		
1	Surat iringan dari JPN bagi sekolah-sekolah harian	
2	Surat iringan dari Pengetua bagi Sekolah Seni Malaysia & Sekolah Sukan Malaysia	
3	Melengkapkan maklumat, bahan/dokumen yang berkaitan pada pautan yang disediakan.	

**BORANG PENYERTAAN**

**PERTANDINGAN YAKULT DANCE ROPE**

**RENDAH DAN MENENGAH TAHUN 2026**

JPN/SSeM/SSM/SEKOLAH : \_\_\_\_\_  
TAJUK TARIAN : \_\_\_\_\_  
KATEGORI : \_\_\_\_\_

<b>KETUA KONTINJEN/PENGURUS PASUKAN</b>				
BIL	NAMA	NO. K/P	JANTINA	NO. H/P
1				
<b>GURU PEMBIMBING/JURULATIH:</b>				
BIL	NAMA	NO. K/P	JANTINA	NO. H/P
1				
<b>TEKNIKAL</b>				
BIL	NAMA	NO. K/P	JANTINA	NO. H/P
1				

**MAKLUMAT PENYERTAAN MURID**

BIL	NAMA	NO. K/P	JANTINA	BANGSA
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				

Disahkan oleh: (Guru Besar/Pengetua/JPN)

.....

**BORANG KEBENARAN IBU BAPA**

**PERTANDINGAN YAKULT DANCE ROPE**

**RENDAH DAN MENENGAH TAHUN 2026**

Saya \_\_\_\_\_ (Ibu/bapa/penjaga/waris)

No. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ membenarkan anak/jagaan saya

\_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan

\_\_\_\_\_ menyertai **PERTANDINGAN TARI TALI YAKULT Rendah dan Menengah Tahun 2026.**

Sekian, Terima Kasih.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

(Ibu/bapa/penjaga)

Tarikh: \_\_\_\_\_

*\*Diisi oleh setiap peserta (murid) yang mengambil bahagian*

**PERTANDINGAN YAKULT DANCE ROPE**  
**RENDAH DAN MENENGAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026**

<b>SINOPSIS TARIAN</b>	
TAJUK	:
DURASI	:

FORMAT SINOPSIS /RINGKASAN ADALAH MENGGUNAKAN JENIS FONT **ARIAL**, SAIZ TULISAN **12** DAN **SINGLE SPACING**.

PENGARAH : \_\_\_\_\_

SEKOLAH/SSeM/SSM/JPN : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_